



## SIARAN MEDIA

### KERAJAAN MADANI LAKSANAKAN TIGA PPR TAMBAHAN DI NEGERI SEMBILAN

---

**PORT DICKSON, 30 Jun 2026** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memperkukuh komitmennya dalam memastikan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah menikmati akses kepada kediaman yang selesa, selamat dan berkualiti menerusi **pelaksanaan tiga (3) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu di Negeri Sembilan.**

Pelaksanaan projek-projek ini mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI untuk memperluas penyediaan perumahan mampu milik secara lebih inklusif dan mampan, selaras dengan aspirasi meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memperkukuh pembangunan komuniti di seluruh negara.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, “Kerajaan MADANI kekal komited untuk memastikan rakyat, khususnya kumpulan B40 mendapat akses kepada kediaman yang selesa, selamat dan mampu milik. Pelaksanaan 3 projek PPR baharu di Negeri Sembilan ini adalah bukti jelas usaha berterusan KPKT dalam memperkukuh agenda perumahan negara”.

Secara keseluruhan, Negeri Sembilan kini mempunyai 1,422 unit PPR melibatkan 1,222 unit yang telah siap, 100 unit dalam pembinaan (PPR Jempol) dan 100 unit lagi dalam perancangan. Hal ini sekali gus mencerminkan usaha berterusan Kerajaan dalam memperluas penyediaan perumahan mampu milik untuk kesejahteraan rakyat.

Bagi Projek PPR Nilai, Kerajaan telah bersetuju secara prinsip bagi cadangan pembangunan projek ini di atas tanah milik Kerajaan Negeri yang disediakan secara percuma. Kajian tapak telah disiapkan dan disahkan sesuai untuk pembangunan perumahan tersebut, manakala pelaksanaannya telah dikemukakan untuk kelulusan daripada Kementerian Ekonomi.

Sehubungan itu, KPKT telah memohon peruntukan berjumlah RM117 juta bagi pembinaan 400 unit PPR di tapak berkenaan dan cadangan ini dijangka akan dipertimbangkan dalam Belanjawan 2027 akan datang.

Sementara itu, Projek PPR Jempol telah diluluskan dengan peruntukan RM29.2 juta. Pelaksanaan projek dijadualkan bermula pada tahun 2026 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2028.

Selain itu, Projek PPR Linggi turut menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM30 juta. Proses perolehan secara tender dijadualkan bermula pada September 2026, manakala kerja-kerja pembinaan dijangka dilaksanakan dalam tempoh 2027 hingga 2029.

Ketiga-tiga projek ini dijangka memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat yang memerlukan kediaman mampu milik, di samping menyokong agenda pembangunan bandar dan komuniti yang lebih sejahtera serta inklusif.

KPKT akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sembilan dan semua agensi berkaitan bagi memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan ditetapkan serta disiapkan dengan cekap, sekali gus memenuhi keperluan perumahan rakyat secara berkesan.

Usaha berterusan ini membuktikan komitmen KPKT dalam merealisasikan agenda perumahan negara yang mampan, inklusif dan berdaya huni demi kesejahteraan rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

*#MalaysiaMADANI*

*#Kemampanan*

*#Kesejahteraan*

*#StrongerTogether*

*#DemiPertiwi*

*#UnityInDiversity*

*#RancarkanMADANI*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : *Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

